

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XIV)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

1. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan penguatkuasaan trafik dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia?
 - (a) Adakah warden trafik akan diperkenalkan di Pulau Pinang untuk menolong situasi ini?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam meningkatkan penguatkuasaan trafik di jalan raya. Antara tindakan yang telah dijalankan adalah seperti berikut:-
 - (i) Berkongsi data video CCTV dalam memantau pergerakan dan kawalan trafik;
 - (ii) Membuat kawalan bersepadu di persimpangan / jalan-jalan utama; dan
 - (iii) Membuat perkongsian maklumat berkaitan kemalangan supaya tindakan serta merta dapat diambil untuk mengawal trafik.
 - (a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sedang dalam proses mewujudkan warden trafik di bahagian pulau bagi membolehkan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta Pengangkutan Jalan diturunkan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Permohonan mengenai

perkara ini telah dihantar kepada Kementerian Pengangkutan (MOT) pada 13 Jun 2018 yang lalu.